



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	20/7/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	TNB			

TNB ke arah mobiliti rendah karbon

UM, 20 Jul
2021_30

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
shafiqahshukor@mediamulic.com.my

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) berusaha menerajui mobiliti rendah karbon terutamanya menerusi kenderaan elektrik bateri (BEV), melalui kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam negara.

Pegawai Strategi dan Kawal Selia TNB, Datuk Fazlur Rahman berkata, amat penting untuk sektor tenaga melaksanakan usaha nyah karbon secara beransur-ansur.

Kata beliau, sektor lain seperti pengangkutan juga harus melakukan usaha nyah karbon yang sama untuk memastikan pendekatan holistik diambil ke arah inisiatif penyahkarbonan negara.

"Sementara TNB meneruskan usaha untuk menyahkarbonkan operasi kami sendiri, kami turut bersedia untuk memimpin perubahan dalam sektor pengangkutan bukan

sahaja sebagai penyedia infrastruktur, tetapi untuk mendorong pendekatan kolaboratif dengan gabungan pihak berkepentingan bagi merealisasikan langkah penting ke arah penyahkarbonan.

"Selaras dengan agenda rendah karbon kerajaan, kami berminat untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak swasta yang ingin beralih ke mobiliti elektrik," katanya dalam sesi CEO Action Network (GAN) Energy Sector Round Table #2 yang membawa tema mobiliti karbon rendah.

Turut hadir dalam sesi yang diadakan secara maya itu ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Normah Osman.

Tahun lalu, TNB bersama Pusat Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC) memasang tempat mengedat 73 kenderaan elektrik (EV) di 31 lokasi.

Memorandum Persefahaman TNB bersama DHL Express Malaysia baru-baru ini turut memerlukan syarikat utiliti itu memasang stesen pengecasan EV di sepanjang laluan perkhidmatan utama DHL dan membantu syarikat logistik itu memajukan armada elektriknya pada masa depan.

Kolaborasi itu menandakan pelbagai kaedah sinergi antara syarikat boleh membantu peralihan ke kenderaan elektrik bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG).


Fazlur menjelaskan, berdasarkan angka yang diperoleh dari Laporan Dwi Tahunan Malaysia kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC), pengeluaran elektrik dan haba kekal sebagai penyumbang terbesar pelepasan karbon dioksida pada 103,047 gigagram, mewakili sekitar 39 peratus pelepasan karbon dioksida di Malaysia.

Ujarnya, itu diikuti dengan pengangkutan jalan raya yang menyumbang sekitar 55,188 gigagram, memberikan kira-kira 21 peratus daripada jumlah pelepasan karbon dioksida Malaysia pada 2016.

"Kami juga percaya pengelektrikan mobiliti akan menjadi perubahan besar dalam ekonomi negara kerana teknologi baharu akan merangsang aktiviti ekonomi bernilai tinggi dalam ekosistem kita.

"Pada masa sama, peralihan ke kenderaan elektrik juga akan membawa manfaat ekonomi dan kesihatan termasuk pengurangan pencemaran udara serta pengurangan kos kesihatan yang timbul daripadanya," kata Fazlur.

Tambahnya, TNB bersedia menyediakan infrastruktur EV yang diperlukan di seluruh negara. Untuk tujuan itu, pihaknya menubuhkan Pejabat Pengurusan Projek untuk memacu agenda EV dan berharap dapat terus melangkah ke hadapan bersama rakan kongsinya ke arah itu.



TNB bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak swasta yang mahu bergerak ke arah mobiliti rendah karbon. - GAMBAR HIASAN

